

# 24 pesilat masuk pusingan akhir

SERAMAI 24 orang peserta pertandingan silat antara balai rakyat anjuran bersama Persatuan Rakyat (PA) dan Persatuan Silat Singapura (Pesisir) akhirnya berjaya melayakkan diri dalam pusingan akhir yang akan diadakan pada Sabtu ini (30 April) dan Ahad. Mereka merupakan kumpulan yang berjaya dalam empat pusingan awal yang diadakan tidak lama dulu.

Bagaimanapun, tidak semua berjalan seperti yang diharapkan oleh pihak pengawal. Jualan tiket sebanyak \$2 setiap satu bagi penonton tidak begitu menggalakkan, kata seorang jurucakap kemari.

26 APR 1983

Bentuk menambah tiket-tiket untuk menonton pertandingan itu masih boleh diperolehi dari seksyen belia PA dan juga di Kompleks Sukan Delta, tempat pertandingan akhir itu dijalankan.

## Wanita

Dalam pusingan akhir untuk merebut piala Sidek Saniff itu nanti, beberapa orang peserta yang berjaya melayakkan diri mereka untuk merebut tempat ketiga akan juga dijalankan.

Butir-butir terbaru yang diberikan oleh PA kemarin menunjukkan seramai 85 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pusingan awal yang telah diadakan di PA.

Dari bilangan tersebut seramai lapan orang peserta wanita dalam dua kelas iaitu 'A' dan 'C' telah bertanding sementara hanya empat orang peserta kanak-kanak perempuan yang mengambil bahagian dalam satu kelas iaitu kelas 'G'.

Bilangan peserta yang paling ramai melayakkan diri dalam pusingan awal ialah peserta lelaki dengan 39 orang dalam empat kelas iaitu dari 'B', hingga 'E'.

## Terbaik

Seramai 34 orang peserta kanak-kanak lelaki pula telah mengambil bahagian dalam pusingan awal. Mereka terdiri dari lima kelas iaitu dari kelas 'E' hingga kelas 'I'.

Pertandingan tersebut dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu kanak-kanak lelaki dan perempuan berusia antara 14 hingga 18 tahun, dan wanita dan lelaki berusia lebih dari 18 tahun.

Setiap kumpulan dibahagikan pula kepada beberapa kelas menurut berat badan.

Tiga orang peserta terbaik dalam setiap kelas akan menerima sebuah piala sementara balai rakyat yang terbaik pula akan menerima sebuah piala pusingan.

Pusingan akhir akan bermula pada 2.30 petang Sabtu dan 7.30 malam pula pada Ahad.